

# Buletin

Rabiul Awwal 1446H/September 2024



e-ISSN: 2600-8289

ACIS



## Meneladani Rasūlullah SAW

eISSN 2600-8289



# Puisi: Lain Nampak Lain Difikir



Oleh:

**Shahril Anuar Abdul Ghafim**

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan  
Pengajian Media (FKPM),  
UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Berbeza cerita babak iringan  
Tingkah tersusun tiap paparan  
Penyampaian makna sudut pandangan  
Unsur semiotik tunjang sandaran

Bahasa kiasan santunan bangsa  
pendekatan tersendiri keunikan gaya  
Penyampaian maksud tafsiran rasa  
Memudah cara menjiwai karya

Satu tanda pelbagai jangkaan  
Disusun rapi pemikiran terolah  
Fungsinya ringkas merungkai sangkaan  
Tersasar taksiran tak siapa salah

Lain yang nampak lain difikir  
Ada yang faham ada yang tidak  
Semiotik dijalin keunikan terukir  
Garapan andaian patuh kehendak

Semiotik berkesan menguji perasaan  
Andainya gagal keistimewaan di jarak  
Tidak digunakan tiada paksaan  
Galakan tontonan harapan pengarah